

# Tempoh pas sosial dilanjut

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

**KUALA LUMPUR, Jumaat** - Datuk Musa Hitam hari ini mengumumkan, tempoh pas lawatan sosial bagi seseorang rakyat asing ke negara ini akan dilanjutkan dari tiga kepada enam bulan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, langkah tersebut bertujuan menjadikan negara ini tumpuan pelancong dan peniaga asing.

Katanya, buat masa ini setiap pelawat asing ke Malaysia diberi pas lawatan sosial selama dua minggu.

Setelah tempoh itu berakhir, pemegang pas berkenaan boleh memohon untuk lanjutan selama tiga bulan.

Tetapi, kata Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri, pemegang pas itu terpaksa ditemuduga dan bersoal-jawab dengan pihak Imigresen, sebelum lanjutan tempoh itu diluluskan.

Di samping itu, tidak pula secara automatik, pemegang pas itu akan mendapat tempoh maksimum selama tiga bulan.

"Oleh itu saya telah mengarahkan semua pegawai imigresen jangan lagi menyusahkan pelawat-pelawat ke negara ini, atau pun menyoal mereka, bila mereka memohon lanjutan tempoh lawatannya di Malaysia, seperti berlaku sekarang.

Datuk Musa menyatakan langkah baru imigresen ini ketika ditemui di pangkalan terbang TUDM di sini sekembali beliau dari Ipoh.

Di antara soalan-soalan yang ditanya termasuklah kedudukan kewangan pelawat berkenaan, sebab melanjutkan lawatan dan sama ada dia mempunyai surat sokongan mengenainya.

"Saya juga mengarahkan mereka melanjutkan tempoh tiga bulan itu kepada enam bulan," tambahnya.

Peraturan baru ini bermakna, seseorang pelawat ke Malaysia, setelah tamat tempoh pas lawatannya selama dua minggu, boleh memohon lanjutan enam bulan lagi tanpa sebarang masalah.

Datuk Musa menekankan, pegawai imigresen telah diarah supaya jangan lagi menyusahkan pemohon yang ingin melanjutkan pas lawatan sosialnya ke Malaysia, melainkan mereka itu tersenarai dalam "buku hitam kita."

"Bagaimanapun, sekiranya mereka berkunjung ke Malaysia menerusi pas lawatan sosial dan didapati bekerja atau membuat sesuatu kesalahan, kerajaan berhak menyuruh pelawat berkenaan meninggalkan negara ini seberapa segera," katanya.